

Pas sedia hadapi pilihan raya awal

MARANG 29 Sept. - Pas kini bersedia menghadapi pilihan raya umum ke-12, sekiranya ia diadakan dalam tempoh terdekat, kata Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Menurutnya, parti itu tidak kisah sama ada pilihan raya diadakan terlebih awal atau tidak kerana sokongan rakyat terhadap Pas kian meningkat sekarang.

Beliau berkata, Pas telah mengatur pelbagai persediaan termasuk menjalankan gerakan daftar pemilih di seluruh kawasan.

Abdul Hadi ditemui selepas solat Jumaat di Masjid Rusila, dekat sini bagi mengulas laporan *Utusan Malaysia* hari ini bahawa pilihan raya umum dijangka diadakan akhir tahun depan atau awal 2008.

Ramalan itu dibuat selepas Majlis Tertinggi (MT) UMNO melanjutkan tempoh pemilihan pucuk pimpinan parti itu kepada 18 bulan daripada September 2007, bagi memberi laluan pilihan raya umum ke-12 diadakan lebih awal.

Ditanya mengenai dakwaan Ahli Parlimen Marang, Datuk Abdul Rahman Bakar bahawa Pas membawa ramai pengundi hantu di kawasan Rhu Rendang, Hadi berkata, beliau sebenarnya belum membaca akhbar lagi.

Bagaimanapun katanya, beliau percaya itu bukan kerja Pas.

Hadi mendakwa di Terengganu sememangnya terdapat beribu-ribu pengundi hantu yang tidak dikenali dan keadaan itu berlaku sejak sekian lama.